

**KEINDAHAN PANTUN DALAM ADAT
PERKAHWINAN COCOS**

ISA RONTIE

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI & WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Judul : **Keindahan Pantun dalam Adat Perkahwinan Cocos**

Ijazah : **IJAZAH SARJANA**

Saya **isa romtie**, sesi pengajian **2013-2016**; mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan universiti malaysia sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Siala tanda (/).

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan malaysia seperti yang termaktub di salam AKTA RAHSIA 1972).


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan dimana penyelidikan dijalankan).

TIDAK TERHAD




Isa romtie

Disahkan oleh
NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Tandatangan Pustakawan



(Prof Madya. Dr Asmiaty)
Penyelia

Tarikh: 5 September 2016



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

1 September 2016



Isa Romtie

MA1411028T

PENGESAHAN

NAMA : **ISA ROMTIE**
NO MATRIK : **MA1411028T**
TAJUK : **KEINDAHAN PANTUN DALAM ADAT
PERKAHWINAN COCOS**


IJAZAH : **IJAZAH SARJANA**
VIVA DATE : **24HB OGOS 2016**

DISAHKAN OLEH ;

1. PENYELIA

Prof Madya. Dr Asmiaty Amat

Tandatangan



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur kehadiran Allah kerana memberikan rahmat dan hidayah untuk saya menyiapkan tesis ini dengan penuh kekuatan dan kesabaran.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, iaitu Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat dan suami yang membantu dalam menyiapkan tesis ini sehingga banyak mengorbankan masa dan tenaga demi melihat anak didikmu mencapai impian dan cita-cita.

Buat kedua ibu bapa saya, iaitu Haji Romtie Itla dan Hajah Arsie Bidol yang sangat saya sayangi dunia dan akhirat kerana sentiasa memberi sumber inspirasi untuk anakmu terus mencapai kejayaan.

Teristimewa untuk isteriku, Tengku Norasilah Tuan Yusoff yang sentiasa menyelimuti dan memayungi segala kesulitan, dikala kegetiran menduga hati suamimu, serta banyak melihat jatuh bangun abang di dalam mengejar impian dan cita-cita sehingga sampai ketahap ini. Untuk anak-anak abah, iaitu Nik Iffat Ikhtiari dan Nik Ithar Ikhtiari..., terima kasih sayang kerana sentiasa menjadi penyejuk hati abah selama ini. Buat arwah anak abah, Nik Irdina Imanina..., sesungguhnya kakak penyembuh di hati abah sayang.

Penghargaan juga kepada mertua dan adik-beradik, serta anak-anak saudara yang banyak memberi pertolongan dan kata semangat untuk Pak Usu terus tabah dan berjaya. Kalian juga penggerak semangat dan nadiku selama ini.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada mereka yang telah banyak membantu dari segi menyiapkan tesis ini, hanya Allah yang dapat membalas segala kebaikan kalian.

Isa Romtie
2 September 2016

ABSTRAK

Etnik Cocos yang berasal dari Pulau Cocos - Keeling merupakan masyarakat minoriti yang tinggal di daerah Tawau, Sabah. Etnik Cocos memiliki adat perkahwinan yang menarik kerana ia masih menggunakan pantun sebagai hiburan. Sebagaimana masyarakat Melayu, orang Cocos turut memiliki pantun yang disebut mereka 'panton' mengikut loghat dan sebutan orang Cocos. Kebiasaannya pantun Cocos didendangkan semasa melaksanakan adat perkahwinan seperti upacara memining, melamar, seminggu sebelum perkahwinan dan semasa perkahwinan. Kajian ini dilakukan di Kampung Balung Cocos bagi tujuan mendokumentasi, mengenalisis pantun dan fungsi semasa adat perkahwinan Cocos berlangsung. Kajian berbentuk kerja lapangan turut menganalisis aspek keindahan pantun menggunakan analisis struktur dalaman dan luaran pantun yang diperkenalkan oleh Harun Mat Piah. Selain itu, kajian turut mengenalpasti keindahan pantun menggunakan aspek keindahan yang diperkenalkan Muhammad Haji Salleh. Sebanyak 100 buah pantun perkahwinan Cocos telah dikumpul untuk dianalisis fungsi dan keindahannya. Berdasarkan analisis tema yang dilakukan dalam pantun Cocos, tema hiburan melebihi 24 buah pantun berbanding dengan tema lain. Manakala unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun perkahwinan Cocos telah mendahului unsur alam, iaitu sebanyak 28 pantun. Perlambangan konkrit dapat dikesan penggunaannya sebanyak 16 rangkap pantun daripada perlambangan yang lain. Hasil kajian mendapati bahawa pantun perkahwinan Cocos yang mirip dengan pantun Melayu memiliki unsur keindahan dari segi tema, unsur, pemilihan diksi dan lambang-lambang yang dikemukakan.

ABSTRACT

THE BEAUTY OF PANTUN IN COCOS WEDDING CUSTOM

Cocos Ethnic which is originated from Cocos Keeling Island is a minority community living in Tawau district of Sabah. Cocos Ethnic has their own attractive wedding custom in which they use Pantun as an entertainment. The Cocos has their Pantun which they called "Panton" in their dialect and accent which is similar to the Malay community. Cocos Pantun is frequently sang during the wedding customs such as the proposing ceremony a week before the wedding and throughout the wedding ceremony. This study was conducted in Kampung Balung Cocos to document and analyse the Pantun and its functions during the wedding customs ceremony. This study field also analysed the beauty of Pantun using internal and external analysis structures which was introduced by Harun Mat Piah. Apart from that, this study was also carried out to identify the beauty of Pantun using the beautiful aspects introduced by Muhammad Haji Salleh. About 100 Cocos wedding Pantun had been collected in order to analyse their functions and beauty. Based on the theme analysis done to the Cocos Pantun, 24 Pantun had the entertainment theme compared to other theme. Whereas, the flora and fauna was the most element to be used in Cocos wedding ceremony compared to element of universe, with the amount of 28 Pantun. Concrete symbolism had been detected to be used in 16 verse of Pantun compared to other symbol. The study showed that Cocos wedding Pantun which is similar to the Malay Pantun has the beauty elements in term of theme, element, choice of diction and symbols presented.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Kegiatan Ekonomi	4
1.2.1 Tradisi 'Menulung' Menjunjung Adat	5
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 persoalan kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	8
1.6.1 Kaedah Kajian Lapangan	9
1.6.2 Pemerhatian Secara Langsung	10
1.6.3 Rakaman Visual/Gambar dan Video	10
1.6.4 Kajian Perpustakaan	10
1.6.5 Carta Alir Kerja	10



1.7	Definisi Pantun	11
1.8	Kerangka Teoritikal	12
1.8.1	Konsep Estetika dan Puitika	12
1.8.2	Analisis Pantun Melayu Harun Mat Paiah	15
1.8.3	Konsep Keindahan Muhammad Haji Salleh	16
1.8.4	Analisis Keindahan Pantun Cocos	19
1.9	Skop dan Batasan Kajian	21
1.10	Kepentingan Kajian	22
1.11	pembahagian bab	22
1.12	Kesimpulan	23

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	24
2.2	Sejarah dan Kebudayaan Melayu	24
2.3	Kajian Lepas Tentang Etnik Cocos	27
2.4	Kajian Pantun	31
2.5	Kesimpulan	38

BAB 3 : PANTUN PERKAHWINAN COCOS

3.1	Pengenalan	39
3.2	Proses Persediaan Perkahwinan	39
3.2.1	Merisik (Mintak Anak Orang)	40
3.2.2	Meminang	42
3.2.3	Proses Menghantar Hantaran atau Melamar	54
3.2.4	Acara Sebelum Perkahwinan	61
3.3	Majlis Perkahwinan Suku Kaum Cocos	72
3.3.1	Upacara Akad Nikah	72
3.3.2	Upacara Berarak	74
3.3.3	Upacara Keramaian	85
3.3.4	Pasca Perkahwinan Suku Kaum Cocos	99
3.4	Kesimpulan	101

BAB 4 : KEINDAHAN PANTUN COCOS

4.1	Pengenalan	102
4.2	Tema dan Unsur-Unsur Dalam	103
4.2.1	Tema Pantun Budi	103
4.2.2	Tema Pantun Nasihat	107
4.2.3	Tema Pantun Kasih Sayang	111
4.2.4	Tema Pantun Hiburan	115
4.2.5	Tema Pantun Puji-Pujian	119
4.2.6	Tema Pantun Perpisahan	121
4.3	Unsur dan Lambang	124
4.3.1	Unsur Alam	126
4.3.2	Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Cocos	136
4.3.3	Perlambangan daripada Objek yang Konkrit	148
4.3.4	Lambang-lambang Transparents	156
4.3.5	Perlambangan Peribahasa	158
4.3.6	Perlambangan daripada Sumber Mitos	160
4.4	Bentuk dan Aspek Luaran Pantun	164
4.4.1	Rima	167
4.4.2	Leksikal	172
4.4.3	Sinkof	177
4.5	Dapatan Kajian	179
4.6	Kesimpulan	180

BAB 5 : KESIMPULAN	182
---------------------------	------------

BIBLIOGRAFI	188
--------------------	------------

GLOSARI	195
----------------	------------

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.3 :	Carta Alir Kerja	11
Jadual 4.1 :	Tema Pantun	179
Jadual 4.2 :	Unsur	180
Jadual 4.3 :	Perilambangan	180



SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1 : Suasana dalam majlis pertunangan	49
Gambar 3.2 : Contoh gambar hantaran pertunangan	50
Gambar 3.3 : Contoh gambar proses memining	51
Gambar 3.4 : Contoh gambar menyarungkan cincin	51
Gambar 3.5 : Contoh gambar hantaran perkahwinan	55
Gambar 3.6 : Contoh gambar keraian sebelum perkahwinan	62
Gambar 3.7 : Contoh gambar 'tarop'	68
Gambar 3.8 : Contoh gambar stangan tanduk	69
Gambar 3.9 : Contoh gambar proses berlulur	70
Gambar 3.10 : Contoh gambar upacara akad nikah	73
Gambar 3.11 : Contoh gambar upacara membatalkan air sembayang	74
Gambar 3.12 : Contoh gambar beras kunyit berisi duit syiling	75
Gambar 3.13 : Contoh gambar mengutip duit syiling	75
Gambar 3.14 : Contoh gambar berarak pengantin	76
Gambar 3.15 : Contoh gambar ayam panggang	76
Gambar 3.16 : Contoh gambar pengantin perempuan merenjis	78

kaki pengantin lelaki

Gambar 3.17 :	Contoh gambar pengantin lelaki di rumah pengantin perempuan	78
Gambar 3.18 :	Contoh gambar pengantin diberi minum oleh wakil ibu mertua	79
Gambar 3.19 :	Contoh gambar pengantin lelaki dan perempuan berarak	80
Gambar 3.20 :	Contoh gambar persembahan gerak silat	80
Gambar 3.21 :	Contoh gambar Pengantin memijak kain terhampar di kaki tangga	81
Gambar 3.22 :	Contoh gambar menarik kain selepas pengantin memijak	82
Gambar 3.23 :	Contoh gambar kaum lelaki sedang berzanji	82
Gambar 3.24 :	Contoh gambar mangkuk yang berisi air putih dan gelas	83
Gambar 3.25 :	Contoh gambar bubur nasi yang dimasak dengan gula madu	83
Gambar 3.26 :	Contoh gambar berkat	84
Gambar 3.27 :	Contoh gambar nasi kunyit berhias ayam panggang	84
Gambar 3.28 :	Contoh gambar upacara menyuap nasi kunyit pasangan pengantin	85
Gambar 3.29 :	Contoh gambar pengantin lelaki menari 'Melenggok Kemantin'	90

Gambar 3.30 :	Contoh gambar tarian 'Melenggok' dipersembahkan oleh kanak-kanak	92
Gambar 3.31 :	Contoh gambar tarian 'Dansa'	93
Gambar 3.32 :	Contoh gambar pengantin menari tarian 'Samba Kahwin'	93
Gambar 3.33 :	Contoh gambar Penari dangsa bergambar dengan pengantin	95
Gambar 3.34 :	Contoh gambar 'Sajen'	99

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Peta Pulau Cocos	3
Rajah 1.2 : Kampung Balung Cocos, Tawau	11
Rajah 1.3 : Ciri-Ciri Menurut Pantun Melayu Harun Mat Piah	16
Rajah 1.4 : Nilai Keindahan Muhammad Haji Salleh	18
Rajah 1.5 : Konsep Keindahan Menurut Pandangan muhammad Haji Salleh dan Harun Mat Piah	20

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kebudayaan adalah cara hidup sesuatu bangsa. Cara hidup bererti aturan atau sistem melaksanakan kehidupan seperti tingkah laku atau corak kehidupan secara umum bagi sesebuah masyarakat atau bangsa. Cara hidup inilah yang bakal memberi identiti kepada sesebuah masyarakat. Negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kebudayaan dan cara hidup, menjadikan sebuah negara yang unik dan bervariasi. Setiap masyarakat memiliki kebudayaan dan cara hidup yang berbeza. Selain bangsa Melayu, Cina dan India yang merupakan kaum terbesar di Malaysia, negeri Sabah turut memiliki pelbagai etnik yang memperlihatkan identiti tersendiri. Salah satu etnik yang mendiami negeri Sabah ialah etnik Cocos yang mendiami daerah Tawau dan Lahad Datu. Sebagaimana masyarakat peribumi lain yang tinggal di negeri Sabah, orang Cocos memiliki keunikan tersendiri dari segi cara hidup dan adat istiadatnya.

Pantun merupakan khazanah yang sangat berharga dalam masyarakat Melayu di Nusantara. Ia sangat sinonim dalam masyarakat Melayu kerana keindahan dan maksud yang tersirat di sebalik ungkapan pantun dan memberikan kesan dalam penggunaannya. Pada masa dahulu, pantun bukan sahaja dilafazkan bertujuan untuk berkasih sayang atau ketika berinteraksi antara masyarakat. Pantun juga dilantunkan ketika masyarakat melakukan upacara-upacara adat seperti perkahwinan. Lazimnya pantun perkahwinan diperdengarkan semasa upacara merisik, meminang, hantaran dan sepanjang berlangsungnya majlis perkahwinan.

1.2 Latar Belakang Masyarakat Cocos

Masyarakat Cocos yang tinggal di negeri Sabah turut memiliki pantun. Pantun dalam masyarakat Cocos telah diamalkan sejak generasi awal mereka di Pulau Cocos, Australia. Orang Cocos yang menetap di Pulau Cocos menggunakan pantun sebagai


bahan hiburan dan perantaraan ketika mengadakan majlis perkahwinan anak mereka. Masyarakat Cocos menyebut pantun sebagai 'panton' sesuai dengan sebutan dan intonasi mereka.

Kehadiran elemen pantun dapat mewarnai kemeriahan adat perkahwinan orang-orang Cocos. Ini disebabkan pantun sentiasa menjadi kronologi dalam upacara perkahwinan yang bermula dengan merisik (mintak anak orang), meminang, melamar, dan seterusnya majlis perkahwinan berlangsung serta selepas majlis perkahwinan selesai. Pantun digunakan sebagai perantaraan setiap perjalanan majlis.

Orang Cocos atau Kokos berasal dari Kepulauan Cocos Keeling yang terletak di Lautan Hindi antara negeri Ceylon dan Australia. Kedudukan Pulau Cocos terletak lebih kurang 600 batu ke Selatan Jawa Barat dan 1760 batu ke barat Perth serta kira-kira 2290 batu menghala ke Barat Darwin. Masyarakat Cocos kini menetap di daerah Tawau, Kunak, Lahad Datu dan Sandakan. Namun kebanyakannya generasi ini terdapat di daerah Tawau, iaitu di Kampung Balung, Cocos. Kehadiran orang Cocos di negeri Sabah sejak sebelum merdeka dengan mengekalkan cara hidup yang tersendiri. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa orang Cocos sebenarnya adalah orang Jawa yang dibawa ke Pulau Cocos untuk dijadikan buruh oleh orang Inggeris. Setelah pulau tersebut menjadi padat, orang Cocos dibawa berpindah ke luar dari pulau tersebut.

Menurut Haji Amiril Boyd (74th), penghijrahan orang Cocos ke luar pulau tersebut adalah disebabkan faktor ekonomi dan mencari penghidupan yang lebih baik. Mereka juga terpaksa meninggalkan Pulau Cocos kerana pertambahan jumlah penduduk Pulau Cocos semakin ramai dan ia membimbangkan kerajaan Australia ketika itu. Oleh itu, pemerintah Inggeris mengambil langkah dengan membawa mereka berhijrah keluar dari pulau tersebut. Ramai penduduk ketika itu dengan rela hati keluar dari Pulau Cocos untuk membina kehidupan baru (Wan Hashim Wan Teh, A. Halim Ali, 1999:29-30).

Menurut informan Haji Romtie Itla (77th), sebelum tiba di Borneo Utara atau Sabah, terdapat sebahagian orang Cocos yang singgah dan menetap di Singapura. Namun sebahagian besar lagi, meneruskan perjalanan sehingga tiba di Borneo. Orang Cocos merupakan etnik minoriti di Sabah yang menetap di Kampung Balung Cocos, Tawau, Kampung Skim Cocos, Kunak, Kampung Batu 6, Lahad Datu dan Pamul di Sandakan. Berdasarkan bancian 2010 yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kini etnik ini lebih kurang 5% daripada 95% termasuk dalam Bumiputera lain-lain yang menetap di negeri Sabah (Jabatan Perangkaan Daerah Tawau, 2014).



Rajah 1.1 : Peta Menunjukkan Lokasi Pulau Cocos.

Sumber : <https://malaysia.search.yahoo.com>

Menurut Haji Romtie (77th) dan Haji Amiril Boyd (74th) (temubual, 2014), mereka pernah menaiki kapal Alanda dari Pulau Cocos dan berpindah randah di beberapa tempat sebelum mereka sampai di Borneo. Semasa dalam perjalanan banyak cabaran dan dugaan yang mereka lalui bersama rombongan mereka, sehingga ada yang mati dan terpaksa dibuang ke dalam laut. Mereka tidak boleh berlabuh di tepi pantai kerana dikhuatiri keselamatan mereka yang tidak terjamin

pada masa itu. Akhirnya mereka telah sampai di daerah Tawau dan mempunyai penempatan di Kampung Balung Cocos.



Gambar 1.2 : Kampung Balung Cocos

Kampung Balung Cocos terletak lebih kurang 35 KM dari Bandar Tawau. Jumlah penduduk yang tinggal di sini lebih kurang 2000 orang. Keseluruhan masyarakat Kampung Balung Cocos memeluk agama Islam sebagai agama rasmi mereka. Pengaruh Islam yang meresap ke dalam kehidupan penganutnya telah memberikan kesan kepada masyarakat Cocos. Orang Cocos merupakan penganut kuat agama Islam (Pauline Bunce,1993:78).

1.2.1 Kegiatan Ekonomi

Masyarakat Cocos di Pulau Cocos, pada asalnya menjalankan aktiviti perusahaan kelapa kering sebagai mata pencarian utama. Walaupun mereka tidak menjadi pemilik kepada tanah tersebut, tetapi mereka memberikan sepenuh tanggungjawab kepada perusahaan tersebut. Mereka sangat patuh kepada keluarga Clunies Ross yang berkuasa di Home Island ketika itu.

Setiap anak muda lelaki diwajibkan bekerja apabila umur mereka meningkat 14 tahun. Pekerjaan mereka adalah mengumpul dan 'menyelumbat'¹ atau mengopek

¹ Mengupas buah kelapa bagi menanggalkan sabut daripada tempurungnya.

kelapa kering yang terdapat di pulau-pulau berhampiran. Demikian juga dengan kaum wanita diwajibkan membuat kerja apabila berumur 15 tahun. Kerja yang dilakukan oleh kaum wanita adalah mengeluarkan isi kelapa daripada tempurungnya setelah disalai untuk dipanaskan supaya isi kelapa mudah lekap daripada tempurungnya.

Kegiatan ekonomi sampingan mereka adalah menanam pisang, jambu batu, jambu air, pokok sukun, ubi kayu dan beberapa jenis sayuran yang ditanam di kawasan tempat tinggal mereka. Pada hari Sabtu dan Ahad, orang Cocos pergi ke dangau atau pondok-pondok kecil di sekitar pulau-pulau di Selatan. Di sana mereka dibenarkan untuk memelihara dan menternak ayam dan itik sebagai kegiatan masa senggang.

Aktiviti yang sangat mereka gemari adalah memancing di sekitar pulau tersebut kerana ikan amat mudah diperolehi dengan cara memancing, menangguk, menjala atau menggunakan pukot rentang. Hasil ini telah menjadi sumber makanan seharian mereka untuk menyara keluarga. Orang Cocos menganggap kegiatan ini sebagai santai dan berkelah bersama keluarga setelah penat bekerja (Wan Hashim Wan Teh & A. Halim Ali, 1999:32-74).

Menurut Haji Romtie (77th), masyarakat Cocos ke Borneo, pada awalnya terlibat dalam kegiatan mengusahakan kebun koko dan kelapa sawit, selain menanam buah-buahan seperti pokok rambutan, kelapa, durian dan langsung di atas tanah mereka sendiri. Anak-anak mereka, lelaki dan perempuan yang sudah meningkat remaja pada ketika itu akan membantu ibu bapa mereka di kebun. Syarikat Koperasi Balung Cocos ditubuhkan pada tahun 1970-an bagi tujuan memudahkan pengurusan masyarakat kampung dari aspek kegiatan ekonomi yang dijalankan.

1.2.2 Tradisi 'Menulung' Menjunjung Adat

Adat merupakan satu norma kehidupan yang diwarisi oleh sebuah masyarakat dari nenek moyang mereka. Ia dapat ditafsirkan sebagai cermin fikiran dan perasaan yang jernih kerana dilandasi oleh pemikiran yang mulia dengan iktikad yang baik serta usaha bersungguh-sungguh dalam memperoleh kebebasan fizikal dan batin. Adat

merupakan cara atau sistem yang menjadi kebiasaan dan diamalkan oleh manusia berlandaskan hukum dan perlambangan kerana menjadikan pegangan dan panduan hidup dalam masyarakat (Mohd. Rosli Saludin, 2007).

Orang Cocos terkenal dengan adat tradisi yang dibawa sejak dari zaman nenek moyang mereka di Pulau Cocos. Mereka sangat erat sesama jiran tetangga yang kebanyakan merupakan sanak saudara sendiri. Oleh hal yang demikian, setiap kali kenduri, adat 'menulung', pasti akan dilaksanakan. Adat ini menjelaskan tentang kaum perempuan masyarakat Cocos yang bertandang ke rumah keluarga dan jiran tetangga bagi tujuan menghulurkan bantuan bagi meringankan beban kerja.

Semasa mengadakan majlis perkahwinan, semua kaum ibu akan pergi 'menulung' ke rumah pengantin. Pada awal pagi kaum ibu akan berada di rumah pengantin membantu menyelesaikan persediaan. menyambut menantu. Ibu pengantin mengalu-alukan kehadiran saudara-mara dan jiran tetangga dengan kegembiraan. Mereka akan 'mengambur²' duit sebagai tanda kegembiraan mereka.

Tradisi 'Menulung' juga dapat disaksikan apabila ada kenduri doa selamat. Kenduri dilakukan mempunyai hajat atau hajat telah tercapai, lalu ingin mengadakan kenduri doa selamat kesyukuran. Tuan rumah akan menjemput adik-beradik dan jiran ke rumah untuk membantu membuat persiapan. Semasa menyiapkan kerja seperti makanan untuk doa selamat, orang tua-tua dalam kalangan keluarga kadang kala bergurau dengan berpantun atau teka teki. Proses berbalas pantun tentu sahaja menimbulkan suasana rumah gamat dengan gelak-tawa kaum keluarga.

1.3 Permasalahan Kajian

Adat perkahwinan tradisi masyarakat Cocos adalah satu tradisi yang sangat istimewa dan agak unik. Oleh hal yang demikian, bagi melestarikan adat perkahwinan masyarakat ini dan mengelakkan ia pupus, ia perlu ditonjolkan sebagaimana tradisi perkahwinan etnik lain di Sabah atau etnik Melayu di Semenanjung Malaysia. Pada

² Mengambur – merupakan situasi melempar wang yang dilakukan oleh keluarga pengantin lelaki atau perempuan dihadapan sanak saudara dan para tetamu. Ia bertujuan berkongsi kegembiraan kerana mendapat anak menantu.

masa kini, tidak ramai masyarakat lebih-lebih lagi generasi muda yang mengetahui tentang adat perkahwinan Cocos yang unik ini (Raja Masittah Raja Ariffin, 2013:171).

Sebelum ini, pantun Cocos hanya digambarkan sebagai pantun yang digunakan dalam upacara hiburan dan pelengkap tradisi masyarakat tersebut. Kajian terhadap pantun sebagai penyatu kepada hubungan kekeluargaan etnik Cocos tidak ditunjukkan secara jelas kerana selama ini ia hanya dianggap sebagai hiburan semata-mata.

Kebimbangan berkenaan kurangnya pengetahuan generasi masa kini termasuk generasi muda masyarakat Cocos sendiri menjadi dilema kepada generasi tua yang semakin lama semakin kurang. Bagi etnik Cocos, tradisi berpantun dalam perkahwinan etnik ini sudah mula merosot disebabkan kurang pengetahuan dalam berpantun. Dewasa ini masyarakat hanya memikirkan bahawa majlis perkahwinan hanya merupakan tradisi yang akan dilupakan. Namun demikian, adat merisik (mintak anak orang), meminang adalah penting dalam masyarakat kerana ia bukan sahaja memperlihatkan nilai dan norma sesebuah masyarakat tetapi ia turut mengangkat kedudukan sesebuah etnik dalam masyarakat.

Walaupun masyarakat Cocos masih menggunapakai tradisi perkahwinan Cocos seperti dalam upacara 'mengarak pengantin Cocos,' namun tradisi yang lainnya mula dilupakan seperti berpantun dalam proses peminangan dan melamar. Upacara melenggok kemantin, 'Menarik Daun Lepat' dan 'Samba Kahwin' semasa keramaian juga semakin dilupakan.

Selain tradisi perkahwinan yang semakin dilupakan, upacara berbalas pantun juga sudah semakin dipinggirkan serta fungsi pantun dalam perkahwinan yang kurang diberi perhatian, kajian ini cuba mengelakkan pantun perkahwinan etnik Cocos tidak pupus begitu sahaja. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mendokumentasikan pantun-pantun yang dilantunkan semasa upacara tersebut dilangsungkan.

Perkara kedua yang menjadi permasalahan kajian ini ialah berkenaan pantun

Cocos yang telah dikenal pasti memiliki persamaan dan elemen-elemen yang hampir sama dengan pantun Melayu. Selain itu, terdapat pula pantun Cocos yang serupa dan hampir sama dengan pantun Melayu dan juga pantun orang Brunei di negeri Sabah. Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba merungkaikan apakah terdapat elemen-elemen kebersamaan atau peminjaman dalam proses penciptaan pantun dalam rumpun Nusantara ini dan bagaimanakah ia berlaku. Analisis terhadap pantun Cocos ini cuba mengenal pasti apakah elemen dan keindahan pantun perkahwinan masyarakat Cocos dari segi dalaman dan luaran mengikut teori yang digunakan oleh Harun Mat Piah dan Muhammad Haji Salleh. Kajian terhadap nilai estetika pantun Cocos belum dilakukan secara terperinci.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini bertujuan untuk,

- I. Mendokumentasi pantun yang dibaca semasa proses perkahwinan Cocos.
- II. Mencirikan fungsi pantun dalam upacara perkahwinan.
- III. Menganalisis aspek keindahan pantun Cocos.

1.5 Persoalan Kajian

- I. Bagaimanakah bentuk pantun yang dibaca semasa proses perkahwinan Cocos?
- II. Apakah fungsi pantun dalam upacara perkahwinan Cocos?
- III. Apakah aspek keindahan pantun Cocos?

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian lapangan dan kepustakaan. Kajian meliputi temubual dan penglibatan turut serta pengkaji dalam upacara dan proses mendokumentasi pantun-pantun yang dibacakan semasa majlis berlangsung. Oleh kerana kajian ini adalah kajian kualitatif, data yang dikumpulkan dipaparkan selain data pantun yang didokumentasikan dianalisis menggunakan pendekatan Muhammad Haji Salleh.

1.6.1 Kaedah Kajian Lapangan

Pengkaji membuat perancangan dengan bertemu dengan beberapa orang yang dikenalpasti untuk ditemubual di Kampung Balung Cocos, Tawau. Seramai Lapan orang informan ditemubual untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan pantun dalam upacara perkahwinan. Lapan orang informan ini terdiri daripada Haji Romtie Itla (77th), Hajah Arsie Bidol (75th), Haji Amiril Boyd (74th), Haji Ensley Donald (83th), Haji George Weim (68th), Haji Lazie Gelesop (77th), Haji Bakrin Wilson (66th)³ dan Kaloo Kitchenar (84th)⁴. Data yang dikutip dikumpulkan dan perkataan-perkataan dalam bahasa Cocos yang tidak difahami diberikan pengertian.

Berdasarkan temu bual yang dilakukan dengan informan, seperti Haji Romtie Itla (77th) dan Hajah Arsie Bidol (75th), yang merupakan pakar pantun etnik Cocos di Kampung Balung Cocos. Setiap kali berlangsungnya acara perkahwinan, mereka sering kali dijemput untuk membuat persembahan. Begitu juga dengan Haji George Weim (68th), Haji Lazie Gelesop (77th), dan Kaloo Kitchenar (84th) turut terlibat semasa upacara keramaian seperti dalam persembahan tarian 'Melenggok,' 'Samba Kawen,' dan 'Selong.'

Haji Ensley Donald (83th) dan Haji Amiril Boyd (74th), merupakan imam di Kampung Balung Cocos. Bukan sekadar mengetahui ilmu agama tetapi mereka juga banyak mengetahui latar belakang orang Cocos yang berhijrah ke Borneo. Dalam upacara perkahwinan etnik Cocos, selain membaca doa dalam majlis kenduri perkahwinan, mereka juga dijemput oleh keluarga pengantin untuk mengepalai upacara 'Menarik Daun Lepat.'

Demikian juga Haji Bakrin Wilson (66th) merupakan orang yang selalu memainkan peranan semasa upacara perkahwinan kerana sering dijemput sebagai wakil tuan rumah untuk memulakan majlis ketika upacara merisik (mintak anak orang), meminang dan melamar.

³Haji Bakrin Wilson, temu bual dikediaman Kampung Balung Cocos, 8.00 malam, 3 Mei 2015.

⁴Kaloo Kitchenar, temu bual dikediaman Kampung Balung Cocos, 2.00 petang, 7 Julai 2015.

BIBLIOGRAFI

- Abbas Mohd. Shariff. 2002. *Budaya dan Falsafah Orang Melayu*. Singapura: 1 Nanyang Walk.
- Abd. Rachman Abror. 2009. *Pantun Melayu, Titik Temu Islam dan Budaya Lokal Nusantara*. Yogyakarta: PT. LKIS Printing Cemerlang.
- Abdul Halim "R." 2011. *Koleksi Berbalas Pantun Merakam Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Abdul Latif Abu Bakar, Mohd. Rosli Saludin (Penyelenggara). 2004. *Pantun dan Ungkapan Indah, Adat Perkahwinan Melayu*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. 2003. Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan Dalam Adat Perkahwinan Melayu dalam Melayu, *Jurnal AntaraBangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi.2003. *Tamadun Rumpun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Abdullah Hassan, Aripin Said & Ainon Mohd. 2005. *Pantun & Gurindam –Untuk Majlis Rasmi dan Perkahwinan*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications Distributors Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain. 2008. *Pemilihan Kata Dalam Pantun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amiril Boyd, 74 tahun, temu bual dikediaman Kg. Balung Cocos, Tawau, 1 Februari 2015.



- Amran Kasimin. 1995. *Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Arsie Bidol, 75 tahun, temu bual dikediaman Kg. Balung Cocos, Tawau, 21 Ogos 2014.
- Backerin Wilson, 66 tahun, temu bual dikediaman Kg. Balung Cocos, Tawau, 1 Oktober 2016.
- Dharmawijaya. 1988. *Dunia Puisi, Dalam Penelitian Pengajaran*. Kuala Lumpur: Siri Khazanah Kesusasteraan Fajar Bakti, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ensley Donald, umur 83 tahun, temu bual dikediaman Kg. Balung Cocos, Tawau, 2 Ogos 2015.
- George Weim, umur 68 tahun, temu bual kenduri kahwin di Kg. Balung Cocos, Tawau, 19 Mac 2016.
- Hamidah Abdul Hamid. 1995. *Penghantar Estetika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (penyelenggara), 1988. *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional, Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2007. *Pantun Sebagai Artifak Budaya*, Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Haslina Hj. Hassan, Ann Wan Seng, 1995. *Wanita dan Perkahwinan*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Abbad, Charles Shaong. 1984. *Tarian-Tarian Tradisional Negeri Sabah*. Sabah: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Ismail Hamid. 1987. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*, Longman. Selangor Darul Ehsan. Polygraphic Press Sdn. Bhd., Balakong.
- Kaloo Kitchenar, 84 tahun, temu bual dikediaman Kg. Balung Cocos, Tawau, 25 Ogos 2015.
- King, V.T.1993. *The Peoples of Borneo, Singapore*: Oxford Universiti Press.
- Lazie Gelesop, 77 tahun, temu bual kenduri kahwin di Kg. Balung Cocos, Tawau, 19hb Mac 2016.
- Liaw Yock Fang, 1975. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional PT LTD.
- Mana Sikana. 2005. *Teori Sastera Kontemporari*. Selangor: Penerbit Pustaka Karya, Bandar Baru Bangi.
- Md. Ali Bin Bachik. 1989. *Himpunan Puisi Klasik*. Shah Alam Selangor: Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Daud Mohamad, Huszaidi Hussin (Penyelenggara). 2006. *Rangkaian Pemikiran Dalam Karya Sastera*. Selangor Darul Ehsan: Dawama Sdn.Bhd. Ampang/Hulu Kelang.
- Mohd Rashid Md Idris, Siti Khariah Mohd Zubir, Abdullah Yusof. 2010. *Nilai Estetik dan Intelek dalam Pantun*. Kuala Lumpur: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris. 2011. *Nilai Melayu Dalam Pantun*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Sultan Idris.

- Mohd Rosli Saludin. 2007. *Puisi Melayu Tradisional*. Penang: Siri Buku Budaya, Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Sidek Bin Mohd Dollah, 2005. Kuala Lumpur: *Seuntai Kasih Secebis Harapan*, Antologi Gurindam, Akam Print.
- Mohd Sidek Bin Mohd Dollah. 2009. *Pantun Kasih Berpantai Sayang*. Selangor: Antologi Gurindam, Cetakan Pertama, DM Dekmai Enterpris, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh, 1992. *Puitika Sastera Melayu, Suatu Pertimbangan*, Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. 2006. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hj. Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*, Edisi Khas Sasterawan Negara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Risma Salfina Muhamad Rozali. 2006. *Etnik Di Sabah*. Selangor: Penapro Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan.
- Norazit Selat. 2008. *Pantun Adat*, dalam *Pantun Warisan Rakyat*. Zainal Abidin Borhan, Ramli Rahman. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Omerdin Hj. Asha'ari, 1960. *Kajian Pantun Melayu. Terengganu*: Malaya Publishing House, Sultan Sulaiman Secondary, Kuala Terengganu.
- Paulince Bunce, *Penterjemah* Padila Haji Ali. 1993. *Kepulauan Cocos (Keeling), Masyarakat Melayu di Australia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rais Yatim. 2013. *Pantun dan Bahasa Indah, Jendela Budaya Melayu*, Cetakan Pertama 2013. Perpustakaan Negara Malaysia.

Raja Masittah Raja Ariffin. 2013. *Bahasa dan Budaya, Masyarakat Melayu, Di Pulau Cocos*, Australia. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Rene Daillie. 2001. "*Pantun Sebagai Gambaran Tamadun Melayu*,"dalam Tamadun Melayu, Jilid Dua. Ismail Hussain. et, al. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rogayah A. Hamid, Jummah Ilias (Penyelenggara). 2006. *Pandangan Semesta Melayu, Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roger Webster, Penterjemah Shamsuddin Jaafar. 2004. *Mengkaji Teori Sastera, Suatu Pengenalan*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rohana Yusof.1996. *Asas Sains Sosial Dari Perspektif sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Romtie bin Itia, 77 tahun, temu bual dikediaman Kg. Balung Cocos, Tawau, 21 Ogos 2014.

Sahlan Mohd. Saman. 1996. "*Nilai Estetika Dalam Puisi Melayu Mutakhir*"dalam Konsep Nilai Kesusasteraan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saidatul Normis Haji Mahali. 1999. Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Singh, Ranjit. 1991. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenuous Society*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.

- Siti Aisah Murad (Penyelenggara), 1996. *Konsep Nilai Dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Saleh (Penyelenggara). 1987. *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Ampang/Hulu Klang.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2001. *Kesusasteraan Bandingan, Perbandingan, Pendekatan*. Selangor Darul Ehsan: *Praktis*, Yeohprinco Sdn. Bhd., Taman Klang Jaya.
- Subiah Lateh, Kalazan Rabika & Mohd. N. Kabul. 1973. (Reprinted form Malaysia In History. **XVI** (2) *Sejarah dan Kebudayaan Suku Kaum Cocos*, Kementerian Kebudayaan.
- Suwardi Endraswara. 2003. *Metodologi Penelitian Sastera, Epistemologi Model Teori dan Aplikasi*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Widyatama.
- Tenas Effendy. 2004. *Pemakaian Ungkapan dalam Upacara Perkahwinan Orang Melayu, dalam Pantun dan Ungkapan Indah, Adat Perkahwinan Melayu*. Abdul Latif Abu Bakar, Mohd. Rosli Saludin. Institut seni Malaysia, Melaka (ISMMA).
- Tengku Silvana Sinar. 2011. *Kearifan Lokal Berpantun Dalam Perkahwinan Adat Melayu Batubara*. Medan, Indonesia: Perpustakaan Nasional: Katalog Dalam Terbitan (KDT).
- Umar Junus. 2010. *Gaya Bahasa Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Umar Junus. 1988. *Karya Sebagai Sumber Makna, Penghantar Strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- V.I. Braginsky. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Wan Akmal Wan Semara. 2005. Kuala Lumpur: *Unsur Puitika Dalam Puisi Melayu Tradisional*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh, A Halim Ali.1999. *Rumpun Melayu Australia Barat.Selangor*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Ramli Wan Muhammad, Hanapi Dollah.2000. *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Siri Budaya Utusan.
- Zaaba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan, Ramli Rahman (Penyelenggara). 2008. *Pantu Warisan Rakyat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Zainal Kling. 1996. *Adat*, dalam *Adat Istiadat Melayu Melaka*.Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat dan Mohd. Ramli Rahman. Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Malaka, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zani bin Ismail. 2004. *Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu*. Negeri Terengganu: Bahagian Pemuliharaan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian.
- Zurina Hassan. 2012. *Alam Pemikiran dan Emosi Dalam Pantun Melayu*. Blogspot.my. diakses pada 1hb April 2016.